

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: 08 Jun 2021 12:35
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Staf - Pesara UUM
Subject: PELAJAR UUM MANFAATKAN DUIT eBELIA



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

8 JUN 2021 / 27 SYAWAL 1442H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Raja Muhammad Faiz Bin Raja Iskandar (Pelajar Pelatih dari SMMTC)
Gambar oleh: Sumber Internet dan Ikhsan Pelajar

PELAJAR UUM MANFAATKAN DUIT eBELIA



UUM ONLINE: Sintok – Pelajar Universiti Utara Malaysia (UUM) memanfaatkan duit eBelia yang dikreditkan RM150 ke dalam akaun e-wallet belia dan mahasiswa yang menuntut di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) mulai 1 Jun 2021 lalu seperti yang disarankan oleh Menteri Pengajian Tinggi Datuk Seri Dr Noraini Ahmad baru-baru ini.

Dalam ucapannya Datuk Seri Dr Noraini berbangga dapat bekerjasama dengan Kementerian Kewangan bagi menjayakan program eBelia yang telah memperuntukkan RM150 kepada pelajar di Institut Pengajian Tinggi (IPT).

Katanya pihak Kementerian Pengajian tinggi (KPT) telah menyediakan data untuk peruntukan kepada pelajar dan berharap mereka dapat berbelanja sambil membantu peniaga tempatan.

Dalam pada itu Naib Canselor UUM, Prof Dato' Dr Ahmad Bashawir Abdul Ghani berkata, maklumat yang diterima daripada pelajar kampus ini mereka telah menggunakan duit itu untuk membeli barang keperluan mereka.

Katanya langkah kerajaan mengkreditkan duit melalui aplikasi e-wallet yang terpilih itu memperuntukkan RM300 juta bagi menyalurkan sumbangan untuk meringankan beban kewangan golongan sasar selain daripada menggalakkan perbelanjaan secara tanpa tunai dalam kalangan belia dan pelajar sepenuh masa di IPT tempatan berdaftar.

"Dalam Belanjawan 2021, sejumlah RM200 juta diperuntukkan bagi menyalurkan RM100 kredit e-tunai bagi setiap belia yang layak namun kerajaan telah menambahbaik inisiatif ini dengan peruntukan tambahan RM100 juta di bawah program PEMERKASA (Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi) yang diumumkan Mac lalu, menjadikan keseluruhan peruntukan bagi program ini sebanyak RM300 juta,' kata beliau ketika dihubungi.

eBelia yang ditawarkan ini melalui empat penyedia perkhidmatan e-tunai, iaitu BigPay, Boost, ShopeePay dan Touch n' Go eWallet, yang secara keseluruhan mempunyai 30 juta pengguna aktif dan jaringan lebih satu juta peniaga di dalam dan luar talian.

Sementara itu beberapa pelajar yang ditemui berterima kasih kepada kerajaan dan akan berbelanja secara berhemah seperti yang disarankan oleh Menteri Pengajian Tinggi.

Pelajar semester enam Sarjana Muda Kaunseling, Awis Al Qarni Sheharuddin berkata, dengan duit yang diterima itu pastinya dapat meringankan kebergantungan kepada keluarga terutama untuk pembelian data internet bagi proses Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR).

Manakala Ng Lim Soon berharap dengan sumbangan yang diterima ini pastinya memudahkan mereka untuk membeli buku dan peralatan pengajian tambahan mereka.

Bagi pelajar semester lapan Sarjana Muda Komunikasi Sarminiswary a/p Guru Nathan pula pengkreditan melalui e-tunai ini memudahkan mereka untuk melakukan pembelian secara online termasuk mendapatkan baucar pada sesetengah barang.

Goh Zhi Lin pula berpendapat pemberian kerajaan ini tepat pada masanya terutama ketika Pandemik Koronavirus (COVID-19) yang menghadkan pergerakan mereka untuk mendapatkan barang keperluan terutama pelajar IPT.

Dalam pada itu pelajar yang berasal dari Sarawak Audrey anak Libah pula akan menggunakannya untuk pembelian vitamin dan perkakasan tambahan untuk kegunaannya.

“Pemberian kerajaan kepada golongan belia dan pelajar IPT sesungguhnya menunjukkan keprihatinan kerajaan terhadap barisan muda yang kelak akan menjadi pemimpin dan penggerak ekonomi negara,’ujar ketika dihubungi.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.